
**SEJARAH SIKAP PEMELIHARAAN KANAK-
KANAK: STAIL KEKELUARGAAN, PENDIDIKAN
KEKELUARGAAN**

PROF. MADYA DR. AZIZI HJ. YAHAYA
Fakulti Pendidikan
Universiti Teknologi Malaysia
Johor

2008

ISI KANDUNGAN

ISI KANDUNGAN.....	2
PENGENALAN	4
KELUARGA DALAM MASYARAKAT	4
PERUBAHAN MENURUT MASA	5
KELUARGA DALAM MASYARAKAT DAHULU	6
PERANAN ADAT	6
PERANAN AGAMA	7
PENGARUH ADAT DAN AGAMA TERHADAP SESEBUAH KELUARGA	9
BUDAYA MODEN DALAM KEHIDUPAN HARIAN	10
PERTEMBUGAN NILAI LAMA DAN NILAI MODEN	11
PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB IBU BAPA DALAM MENDIDIK ANAK PADA ZAMAN KINI.....	12
STAIL KEKELUARGAAN.....	14

KELUARGA KACAU	14
<i>DEFINASI</i> <i>PERKAHWINAN</i>	14
<i>GAYA IBU BAPA</i> <i>ANAK-ANAK</i>	15
<i>KELUARGA</i> <i>PENGARUH AGAMA DAN NILAI MURNI</i>	16
<i>MENINGGALKAN KELUARGA</i>	17
KELUARGA SIMBIOTIS	18
<i>DEFINASI</i> <i>PERKAHWINAN</i>	19
<i>PERKAHWINAN</i> <i>GAYA IBU BAPA</i> <i>ANAK-ANAK</i>	19
<i>KELUARGA</i>	20
<i>PENGARUH AGAMA DAN NILAI MURNI</i>	21
<i>MENINGGALKAN KELUARGA</i>	22
KELUARGA PROTEKTIF	24
<i>DEFINASI</i> <i>PERKAHWINAN</i>	24
<i>GAYA IBU BAPA</i>	25
<i>ANAK-ANAK</i>	26
<i>KELUARGA</i>	27
<i>PENGARUH AGAMA DAN NILAI MURNI</i> <i>MENINGGALKAN KELUARGA</i>	28
KELUARGA SEIMBANG	29
<i>DEFINASI</i> <i>PERKAHWINAN</i>	30
<i>ANAK-ANAK</i> <i>KELUARGA</i> <i>PENGARUH AGAMA DAN NILAI MURNI</i>	30
<i>MENINGGALKAN KELUARGA</i>	31
KELUARGA KUASA	31
<i>DEFINASI</i> <i>PERKAHWINAN</i>	31
<i>GAYA IBU BAPA</i>	32

PENDIDIKAN KEKELUARAAN	32
PENDAHULUAN	32
MENGAPA PERLUNYA PENDIDIKAN KELUARGA?	33
KEPENTINGAN PENDIDIKAN KELUARGA	33
PENUTUP.....	35
LANGKAH-LANGKAH YANG DIAMBIL OLEH IBU BAPA UNTUK MEMBERI PENDIDIKAN YANG DIKEHENDAKI	36
KESIMPULAN	38
BIBLIOGRAFI.....	40
LAMPIRAN A	41
LAMPIRAN B	42
LAMPIRAN C	43
LAMPIRAN D	44
LAMPIRAN E	45
LAMPIRAN F	46

SEJARAH SIKAP PEMELIHARAAN KANAK-KANAK: STAIL KEKELUARGAAN, PENDIDIKAN KEKELUARGAAN



Pengenalan

Keluarga merupakan sebuah institusi yang dinamik. Dalam masyarakat tradisi peranan keluarga dalam semua aspek menjadi lebih ketara, dan kedudukan keluarga sebagai sebuah institusi lebih penting. Peranan ibu bapa lebih besar dalam masyarakat tradisi daripada peranan keluarga dalam masyarakat moden.

Keluarga dalam masyarakat

Masyarakat tradisi Malaysia pada zaman dahulu merupakan masyarakat yang tertutup, akan tetapi hormat-menghormati sesama anggota dalam komuniti ini amat penting dan merupakan tali pengikat antara anggotanya. Dengan lain perkataan, anggota masyarakat pada ketika itu hidup saling nasihat-menasihati sesama mereka. Jika seorang anggota masyarakat melakukan kesalahan, maka kewajipan anggota dalam komuniti itu pula menasihati atau menyelesaikannya.

Dengan ini timbul sifat suka mengambil tahu akan ahli keluarga, saudara, teman, jiran dan seluruh ahli komunitinya. Sifat dan perasaan ingin menolong dan membantu individu yang lain itu bersemarak dalam jiwa dan sanubari tiap-tiap dalam masyarakat itu. Amalan begini diamalkan oleh setiap individu dalam sesebuah masyarakatnya. Sekiranya terdapat individu yang cuba memecah adat tradisi itu, akibatnya dia akan disingkirkan daripada kelompoknya. Oleh itu, setiap individu

saling ingat-mengingati sesama mereka supaya tidak terlupa dan bertentangan pula dengan kehendak anggota masyarakat yang ramai.

Perubahan menurut masa

Keadaan ini telah beransur berubah apabila pengaruh asing menular ke dalam kehidupan orang Melayu dahulu. Kedatangan orang Cina dan orang India ke Tanah Melayu telah berubah sistem dan struktur sosial orang Melayu sebelumnya itu. Maka corak dan susun lapis masyarakat ketika itu pun turut berubah. Dengan penghijrahan ini membawa bersama-samanya kebudayaan, kesenian dan nilai-nilai kehidupan mereka yang dipusakai dari negara asalnya. Dengan pelbagai kebudayaan ini, masyarakat kita tetap memberikan semacam autoriti kepada orang tua-tua dalam mencorakkan masyarakat dan anggotanya mengikut pengalaman mereka itu. Orang tua dalam sesebuah komuniti itu dianggap sebagai ketua yang tidak rasmi, kerana kedewasan dan pengalaman mereka. Kadang-kala mereka juga bertindak sebagai orang tengah dalam menyelesaikan perbalahan antara unit-unit keluarga di dalam komuniti. Pengalaman merupakan kriteria utama dalam mewujudkan autoriti seseorang. Usia yang lanjut dengan pengalaman yang luas dapat menjamin bahawa segala buah fikiran dan pandangannya itu dianggap bernas dan berguna. Selain daripada itu, sikap dan kebolehan orang tua di sesebuah keluarga menjadi model dan teladan dalam rujukan kehidupan harian anak-anak muda mereka. Orang-orang muda akan akur dan patuh pada kewibawaan orang-orang tua. Anak-anak dilatih supaya sentiasa bersikap hormat dan patuh agar kehidupan dalam masyarakat itu menjadi seragam. “ Ini dapat memberikan peranan yang positif dalam mewujudkan hubungan masyarakat yang aman dan tenteram”, (Wan Azmi, 1982).

Kesejahteraan yang diperlindungan oleh semua anggota masyarakat sesebuah kelompok itu ialah keamanan dalam kelompok itu sendiri. Pengalaman hidup waktu


itu ialah merupakan salah satu daripada keperluan asas. Ilmu pengetahuan yang berupa pengalaman adalah darjat yang dapat mempertinggikan kebolehan dan keupayaan seseorang itu. Justeru itu, ilmu pengetahuan yang ada pada orang-orang tua harus disampaikan pula kepada anggota yang lain. Maka dengan sendirinya setiap ketua keluarga sedaya upaya akan memberikan pendidikan kepada anak-anak mereka. Mereka menganggap bahawa pengalaman dan pengetahuan yang ada pada mereka harus diwariskan pada anak-anaknya supaya akan terus berkekalan.

Keluarga Dalam Masyarakat Dahulu

Peranan adat

Dalam adat dan kebiasaan bagi sesebuah masyarakat Tanah Melayu zaman dahulu itu iaitu hidup yang sederhana dan ringkas. Melarang bersifat tamak, haloba, dengki, khianat dan sebagainya. Dalam adat dan kebiasaan bagi sesebuah masyarakat ketika itu adalah mementingkan sebuah masyarakat yang adil, bertolongbantu, berbudi pekerti, berhemah tinggi serta mempunyai kepandaian sejati sama ada dari segi fizikal mahupun mentalnya. Soal akhlak dan budi pekerti mulia sangat diambil berat oleh sesebuah keluarga, sehinggakan mereka sanggup membuang anaknya yang telah melanggar adat daripada mengetepikan sahaja adat itu sendiri. Anggota masyarakat itu pula dengan rasa penuh tanggungjawab akan menyedia dan memberikan sokongan ke arah moral, psikologi dan sebagainya kepada anak-anaknya. Adat dan kebiasaan ini hanya dapat dilaksanakan dengan adanya kerjasama semua pihak dalam sesebuah masyarakat itu sendiri. Para ibu bapa, ketua keluarga, ketua suku kaum mahupun ketua kampung akan sama-sama membetulkan yang salah. Sama-sama menegur mana-mana yang tidak kena dalam masyarakatnya. Ini

disebabkan dalam sesebuah keluarga akan merasakan dengan memiliki rasa kekitaan yang kuat. (Syed Husin, 1997)



Peranan agama


Mengikut sejarah, batu bersurat dan catatan pedagang asing yang datang ke Nusantara ini, agama Islam membawa perubahan nilai sejak kurun ketiga belas lagi. Peranan agama dalam membentuk sahsiah dan tingkah laku anggota sesebuah keluarga. Amalan yang baik dan larangan kepada yang mungkar itu dipraktikkan sehingga kanak-kanak dan anggota keluarga itu berasa takut untuk melakukan sebarang aktiviti yang dianggap mendatangkan dosa dan bala.

Tingkah laku kanak-kanak sentiasa dikawal dan terkawal oleh kehendak agama itu sendiri. Anggota masyarakat akan mengikut ajaran agama. Ukuran ketaatan anak-anak terhadap ibu bapanya adalah sebagai satu norma hidup keluarga dan masyarakat. Justeru itu, nilai psikologi begini amat berkait rapat dengan ajaran agama Islam misalnya perasaan hormat, berkasih sayang, bertimbang rasa, dan berlemah lembut dalam semua kerja yang dilakukan. Seseorang anak tetap akan patuh tanpa soal jawab lagi sebagaimana yang diterangkan dalam buku *The Future of Muslim Civilization*, Zaiuddin Sandar (1979). Menurutnya sistem Islam adalah sistem tradisi yang berdasarkan prinsip berorientasikan matlamat kepada keredaan

Tuhan sehingga Islam itu boleh berkembang dalam semua manifestasinya terhadap keredaan itu sendiri.

Individu tidak boleh sewenang-wenangnya melakukan sesuatu yang ditegah dan dilarangkan dia dalam kumpulannya. Soal adab, sopan santun dan juga akhlak ditentukan oleh sikap dan tingkah lakunya. Justeru itu, seorang anak akan sedia dan rela mematuhi dan menurut nasihat dan tunjuk ajar orang-orang tua mereka. Pengaruh ketua keluarga yang dengan sendirinya berlandaskan kehendak agama, akan dituruti oleh anggotanya. Oleh yang demikian dapatlah kita katakan pengaruh keluarga dan alam persekitaran seseorang turut mempengaruhi keluarga dan alam persekitaran seseorang turut mempengaruhi pertumbuhan personaliti seseorang. Contohnya:

1. Diri individu yang sejati.
2. Lingkungan keluarga dengan pengaruhnya.
3. Lingkungan masyarakat (alam persekitaran) dengan pengaruhnya juga.



Rajah 1.1 Individu dan pengaruh alam sekitar

Masyarakat orang Melayu melaksanakannya dengan jalan (1) mencipta tingkah laku yang seimbang dengan alam persekitaran dan sesuai pula dengan kehendak dirinya (bangsa Melayu yang memang tebal dengan agama Islamnya)

ketika itu, dan (2) melalui world view yang dijadikannya sebagai ploisi bagi komuniti itu sendiri. Akhirnya maka jadilah sebagai satu adat yang bersendikan hukum Allah.

Oleh sebab adab ini bersendikan hukum Allah, kadang-kadang sukar untuk membezakan antara adat dan agama. Kelihatan kedua-duanya saling berkaitan dan ada pertindihan. Akibatnya anggota masyarakat yang menurut sahaja tanpa perhitungan dan penelitian semakin menjadi keliru bagi memisahkan antara agama dan budaya atau antara undang-undang alam dengan undang-undang Tuhan. Walaupun kedua-duanya itu mempunyai tujuan yang sama, iaitu demi kebaikan, kebahagiaan dan kesejahteraan manusia, namun pada hakikatnya adalah berlainan sama sekali.

Pengaruh adat dan agama terhadap sesebuah keluarga

Sesebuah keluarga itu cuba menjaga maruah dan nama baik kelompoknya, maka anak-anak mereka dijaga, diasuh supaya akur dan tidak boleh melanggar peraturan hidup atau adat budaya bangsanya. Ketua keluarga bekerja keras mengawasi anggotanya supaya tidak menjatuhkan imej keluarga dan masyarakat. Kedua-dua pihak seolah-olah sudah ada semacam kesefahaman dan perjanjian yang harus mereka patuhi sebagai landasan bagi seseorang individu itu dianggap bermoral.

Bentuk masyarakat yang tertutup ketika itu menyebabkan lingkungan kekeluargaan masih rapat dan erat. Sebagai sebuah sistem, masyarakat ketika itu cuba menunjukkan satu bentuk kerjasama yang dibimbing oleh satu kesatuan. Misalnya seorang anak walaupun dia agak berani, tetapi dalam beberapa hal apabila dia mahu menyuarakan kehendak dan pendapatnya, terdapat semacam satu perasaan hormat, malu dan segan terhadap orang yang lebih dewasa daripadanya. Seorang jejaka atau teruna merasa segan dan malu untuk meluahkan hajat peribadinya kepada ibu bapanya. Oleh itu, para ibu bapa seharusnya pandai menangkap riak, atau

memastikan gerak laku yang agak asing pada diri anak-anak mundanya untuk mencungkil rahsia mereka itu.

Kesimpulannya, dapat mengatakan bahawa corak hidup masyarakat lama yang tertutup dapat membendung atau menyatupadukan ahli-ahlinya dalam kelompoknya lebih akrab dibandingkan dengan kelompok kekeluargaan hari ini.

Budaya moden dalam kehidupan harian

Kanak-kanak diasuh memiliki jiwa luhur dan budi yang baik berasaskan agama. Selain itu kanak-kanak diberikan ilmu mengenal Tuhan dan tanggungjawabnya sebagai manusia di dunia ini. Justeru itu, pendidikan waktu itu benar-benar membimbing anak-anak menjadi anggota masyarakat yang berguna pada bangsa dan agamanya.


Agama memberikan bimbingan dalam hidup ini begitu sempurna dan ditanamkan sejak kecil-kecil lagi kepada anak-anak masyarakat ketika itu merupakan sebahagian daripada unsur-unsur keperibadiannya sendiri. Dengan berkeyakinan terhadap agama seseorang individu di sesebuah keluarga dapat merencanakan dan mengatur sikap dan tingkah lakunya secara sedar.

Keadaan ini beransur berubah apabila pendidikan Sekolah Melayu ditubuhkan. Pendidikan agama merupakan pendidikan sampingan. Anak-anak diasuh melalui didikan keilmuan untuk hidup . Ilmu-ilmu seperti matematik, pertanian, sejarah, kesihatan dan geografi diajarkan kepada mereka dengan harapan supaya mereka ini mengenali kemajuan bangsa lain di dunia ini. Oleh kerana matlamat persekolahan waktu itu lebih mementingkan pencapaian untuk lulus periksa dan dapat kerja, sekolah waktu itu benar-benar sudah merampas tugas keluarga, (Kolesnik, 1975). Apabila penjajahan Inggeris memperkenalkan sekolah Inggeris, sekolah Cina dan

Tamil, anak-anak dididik dengan buku-buku teks pelajaran menjadikan mereka sudah berasa mereka selama ini semacam ditindas dan dikongkong oleh keluarganya. Apabila mereka mengetahui hal-hal dunia luar dan kemajuannya di sana dengan perkembangan-perkembangan baru, maka mereka merasakan nilai-nilai lama yang dipertahankan oleh nenek-moyang mereka itu adalah karut dan sukar mahu diturut. Bahan bacaan kebanyakannya merupakan hasil terjemahan yang dilakukan oleh orang Inggeris sendiri. Sedikit sebanyak mereka cuba menerapkan nilai-nilai budaya mereka melalui falsafah dan pemikiran. Anak-anak Tanah Melayu secara tidak langsung mulai mengikut pengaruh Barat. Norma hidup yang dialami oleh kanak-kanak bercanggah dan bertentangan dengan apa yang mereka itu pelajari. Justeru itu terjadinya penolakan di kalangan anak-anak terhadap budaya tradisi bangsanya yang luhur dan sejati.

Pertembungan nilai lama dan nilai moden

Pertembungan dua nilai ini, lama dan moden membawa maksud nilai peribumi Melayu-Islam dengan nilai Barat-sekular sedangkan nilai-nilai yang mereka terapkan di sekolah-sekolah waktu itu telah jauh menyimpang daripada budaya bangsanya yang sejati. Selain terjadinya pengubaisuaian, juga diterapkan melalui peradaban yang baru sama sekali yang dikenali dengan gelaran moden. Kanak-kanak mudah terpedaya dan mudah pula percaya terhadap perkara yang baru didengar dan dilihatnya itu, maka perubahan yang mendadak begini sering berlaku terutama sekali dalam bidang sosial. Oleh kerana nilai yang baru itu agak asing, maka mereka menganggap sebagai moden.



Rajah 1.2 Budaya tradisi dipengaruhi oleh budaya asing

Rajah di mukasurat sebelah ini menggambarkan bertindan-tindihnya antara kedua nilai dan budaya tersebut berlaku dalam masyarakat moden kita. Walaupun pada mulanya nilai-nilai moden meresapi kehidupan mereka, tetapi mereka akan terus mengambil dan memakainya seolah-olah mereka itu sudah biasa. Budaya `moden' yang dimiliki anak-anak mereka itu langsung tidak lagi secocok dengan kebiasaan dan amalan tradisi yang dipusakai mereka selama ini. Pertentangan nilai, sikap, tanggapan dan `world view'. Generasi muda dengan para ibu bapa telah mewujudkan satu jurang generasi yang memisahkan antara kedua kumpulan ini. Anak-anak kini akhirnya menganggap buah fikiran orang tua mereka itu semuanya kolot dan jahil. Orang tua sebagai buta huruf dan mereka sebagai berintelektual. Sikap beginilah yang menjadi punca terjadinya tekanan jiwa di kalangan ibu bapa terutama mereka yang hanya memendam rasa tanpa berani menyanggah pendapat dan pandangan anak-anak mudanya lantaran kerana mereka kini ditanggung makan oleh anak-anaknya itu. (Zakiah Darajat, 1983) Tekanan perasaan beginilah yang menimbulkan penyakit dan terganggu fikiran.




Sesebuah keluarga merupakan pemimpin dan pendorong kepada anggota keluarganya. Sekiranya ibu bapa tidak mengambil berat berperanan sedemikian, menyebabkan seseorang anak muda itu berani bersikap menyeleweng terhadap orang tuanya.

Peranan dan tanggungjawab ibu bapa dalam mendidik anak pada zaman kini

Ibu bapa seharusnya boleh memainkan pelbagai peranan dalam membentuk disiplin dan peribadi anak-anak. Kecuaian ibu bapa untuk memahami peranannya yang sebenar menjadikan anak-anak hilang panduan dan keliru dalam menjalani

hidupnya, maka jangan salahkan anak-anak apabila mereka memilih orang lain untuk dicontohi.



Peranan berkesan yang dimainkan oleh ibu bapa di rumah dengan melakukan sesuatu yang positif untuk keharmonian kekeluargaan akan membawa keharmonian ini ke tempat kerja. Jika keharmonian ini dapat disalurkan ke tempat kerja sudah tentunya kelangsungan keharmonian ini dapat diwujudkan dalam masyarakat. Ibu bapa seharusnya dapat menyeimbangkan peranan mereka sama ada di rumah, tempat kerja dan dalam masyarakat. Keseimbangan ini amat perlu supaya segala tekanan akan dapat diatasi.

Stail kekeluargaan

Keluarga Kacau

Definisi

Keluarga kacau kurang teratur dan selalu dalam keadaan mendua. Keluarga ini cenderung kepada konflik, penuh masalah dan tidak peka terhadap keperluan anak-anak. Anak-anak dilalaikan dan diperlakukan secara kejam, dengan kurangnya hubungan mesra.



Keluarga Kacau

Keluarga kacau selalu tidak aman damai. Mereka tinggal di rumah yang sama, tetapi suasananya tidak senang dan tidak aman baik secara fisik, emosi, mahupun spiritual.

Anggota keluarga tidak rapat, batas horizontal dan vertikal pada suami / isteri, atau pun pada anak. Tidak ada bantuan antara satu sama lain.

Dalam keluarga yang kaya seorang pengasuh anak mungkin diserahi tugas sebagai ibu bapa. Tali perhubungan antara mereka adalah lebih seperti kawan kerana kekurangan rasa kasih sayang.

Perkahwinan

Perkahwinan dalam keluarga kacau bukanlah perkahwinan. Pasangan mungkin telah mempunyai anak, tetapi sedikit atau malah tidak ada cinta di antara suami dan isteri. Mereka tidak berusaha untuk memelihara perkahwinan mereka. Mereka selalu bertengkar, dan kadang-kadang sampai memuncak. Perpecahan dan ancaman perceraian merupakan hal yang umum. Dalam kenyataan memang banyak perkahwinan macam ini yang berakhir dengan perceraian.

Gaya Iubapa

Dalam keluarga kacau, perhubungan di dalam keluarga adalah kasar. Ibu bapa menghabiskan waktunya dengan mengerjakan apa yang mereka inginkan. Pada malam hari anak-anak tidak didendangkan, dipeluk atau dirawat apabila mereka terluka, baik secara fizikal mahupun secara emosi.

Apabila keluar garis, mereka biasanya dihukum. Celaan, sindiran, dan cerewetan menjaral ke dalam jiwa lembut anak-anak. Ibu bapa mengawasi anak-anak mereka melalui ancaman dan kekuasaan. Disiplin tidak menentu, kasar, tidak wajar dan kadang-kadang tidak tertahankan. Sering disiplin terpusat pada 'mematikan' anak-anak, bukannya mengoreksi tingkah laku mereka.

Anak-anak

Anak-anak dalam keluarga kacau merasa terancam dan tidak disayangi. Hampir sepanjang waktu mereka dimarahi atau tertekan. Dalam beberapa hal situasi keluarga begitu tidak terduga sehingga anak-anak tidak sedar akan perasaan. Mereka hanya hadir dari hari kehari dalam tekanan dan suasana keluarga yang penuh stress.

Anak-anak mendapat kesan bahawa mereka tidak diinginkan dalam keluarga. Ini mengakibatkan perasaan dendam, kemarahan dan kebencian.

Segala sesuatu yang diketahui anak-anak tentang kehidupan keluarga yang baik dipelajari melalui keluarga kawan-kawan mereka. Anak-anak yang tetap hidup baik adalah mereka yang dapat mendidik diri sendiri atau yang cukup beruntung menemukan 'mentor' di luar keluarga. Anak dewasa dari keluarga kacau boleh dikatakan hampir tidak bersalah. Mereka dipaksa tumbuh dengan pesat dan lebih bersifat keduniawian daripada teman imbangannya dari keluarga lain. Penggunaan wang dan harta milik mereka harus datang dari usaha mereka sendiri.

Di sekolah mereka sukar dikendalikan. Pantangan sosial seperti merokok, minum dan berjudi dialami lebih awal. Anak-anak cepat untuk menentang, menghina dan menantang kekuasaan. Mereka mulai mengabaikan dan menyalahgunakan masyarakat seperti mereka telah diabaikan dan disalahgunakan dalam keluarga mereka. Tidak ada peraturan di rumah sehingga mereka berkelana dengan bebas, kecuali sekali-sekala mengawal melalui pukulan fizik.

Keluarga

Bagi anak-anak dari keluarga kacau, mereka menganggap individu tidak ada keluarga. Yang ada ialah individu tinggal di dalam empat dinding yang disebut orang rumah. Rumah ini semata-mata merupakan tempat berhenti bagi orang-orang ini. Anggota keluarga mungkin tidak saling melihat beberapa hari berturut-turut.

Anak-anak menolak mengajak teman-teman mereka ke rumah. Keluarga kacau tidak menjaga tetap sejalan dengan dunia luar. Mereka hidup tanpa kepercayaan pada orang lain dan umumnya tidak mahu bekerja sama. Mereka patuh kepada peraturan hanya apabila peraturan itu menyenangkan bagi mereka bukan kerana peraturan itu baik bagi masyarakat.

Pengaruh Agama dan Nilai

Tidak banyak keluarga kacau mempunyai orientasi spiritual yang kuat. Mereka cenderung tertarik kepada kekuasaan dan kontrol. Mereka senang konfrontasi, tetapi tidak mahu mempraktikkan kesabaran dan ketekunan dengan orang lain. Mereka berpegang bahawa keyakinan mereka benar dan keyakinan orang lain salah.

Dalam kebanyakan keluarga kacau, agama dianggap tidak masuk akal dan lemah. Bagi mereka berbica tentang sorga adalah absurd. Jika seorang dewasa dalam keluarga berpaling kepada Tuhan, dia mungkin akan mendapat ejekan, cacian dan penolakan dari keluarga.

Meninggalkan Keluarga

Anak-anak biasanya meninggalkan keluarga kacau sebelum waktunya dengan konflik yang tidak terpecahkan dan kebencian yang umum kepada keluarga. Kadang-kadang mereka pergi jauh, menjadi hamil, melakukan kejahatan, masuk sesuatu parti untuk keluar dari rumah. Mungkin ada kontak dengan ibu bapa sesudah berpisah. Kontak dengan saudara jarang kerana mereka merasa tidak memerlukan atau menginginkan kontak semacam itu.

Ketika anak dewasa dari keluarga kacau kahein, mereka biasanya mempunyai masalah-masalah berhubungan dengan teman hidup dan anak-anak mereka. Mereka sangat berorientasi diri, mereka tidak percaya pada orang lain dan tidak tahu bagaimana ada perhubungan yang baik dengan orang lain. Meski pun mungkin mereka ingin menjadi suami isteri yang baik, mereka tidak mempunyai model keluarga asal yang baik untuk diikuti. Maka, ketika mereka kecewa dengan anggota keluarga, mereka mengambil jalan menyerang, yang hanya akan lebih menjauhkan tali persaudaraan. Situasi juga sama. Mereka kasar dan membuat orang lain tidak senang.



Keluarga Simbiotis

Keluarga Simbiotis

Definisi

Keluarga simbiotis bercirikan orientasi keluarga yang kuat dengan perhatian yang hampir seluruhnya terpusat semata-mata pada anak-anak. Keluarga ini berlebihan dalam relasi atau hubungan. Anggota berkumpul bersama, membuat sulit menyuruh mereka berpisah. Ibu bapa tidak mendorong anak berkembang menjadi individunya sendiri, tetapi mencuba menjelmakan diri pada anak-anak mereka.

Ibu bapa terlalu melibatkan diri pada anak-anak, tetapi mereka

terlalu posesif. Seorang dewasa dalam keluarga simbiotis dikendalikan oleh ibu bapa yang membuat mereka tidak baik setiap kali dia mulai berbuat bagi dirinya.

Sebagai contoh, seorang anak lelaki yang berumur 15 tahun tidak dapat menikmati cuti perkhemahan seminggu di tepi pantai bersama dengan guru dan rakan-rakan sekolah. Dia tidak menikmati cutinya kerana dia tidak merasa tidak baik meninggalkan ibu bapanya sampai selama seminggunya. Sebelum dia berangkat, ibunya berkata kepadanya betapa banyak dia kehilangannya, Dia menguatkan perasaannya dengan menelefon kepada ibu bapanya.

Dia merasa tidak baik kerana ibu bapa merasa ditinggalkan. Maka, untuk menghindari perasaan tidak baik lebih lanjut, dia tinggal di rumah pada cuti sekolah berikutnya. Dia secara mental begitu lengket kepada ibu sehingga dia tidak bebas berbuat sesuatu bagi dirinya.

Perkahwinan

Dalam banyak hal perkahwinan, keluarga simbiotik tidak bahagia, tetapi secara lahiriahnya tidak demikian. Pasangan ini ramah-tamah satu sama lain dan mereka bekerja sama dalam fungsi sosial. Perkahwinan merupakan standard sosial yang mereka merasa terpaksa memenuhinya.

Pasangan simbiotik nampaknya sebagai perkahwinan yang bahagia, namun sedikit saja percintaan atau kasih yang asli kerana salah satu atau kedua partner memberi sokongan. Biasanya salah satu yang takut ditinggalkan beralih kepada anak-anak, kerana lebih mudah mengawasi anak-anak daripada orang dewasa.

Gaya Ibu bapa

Bagaimana ibu bapa simbiotik mengawasi anak-anak mereka ? Salah satu caranya dengan tuduhan. Sebagai contoh, ibu bapa minta, “ Tidak ingin kamu memberikan ciuman kepada ibu ?” atau berkata, “Kamu memikirkan dirimu sendiri dan tidak memikirkan betapa hal itu menyakiti ayah.

Agar mendapat penerimaan dari orang tuanya, anak akan berusaha keras menuruti keinginan orang tuanya.

Anak-anak

Anak-anak dalam keluarga simbiotik terlalu banyak menghabiskan waktunya untuk memikirkan apa yang diinginkan orang tua sehingga mereka dapat memenuhinya. Fokus yang banyak sekali pada keinginan ibu bapa ini melukai

individualitas anak. Anak-anak tidak suka berperasaan jelik, mereka mencuba mengantisipasi apa keinginan orang tua dan berbuat menyesuaikan diri. Setelah dewasa mereka sering menerapkan metode yang sama terhadap teman-teman, pekerja dan suami/isteri mereka.

Anak remaja dalam keluarga simbiotik tidak membantah orang tua kerana dia tidak membantah ibu bapa kerana dia tidak ingin berperasaan jelik. Dia mempunyai banyak kerafuan diri dan tertarik untuk mundur dari kontak social. Beberapa di antaranya bantah terhanyut ke dalam masalah psikologis yang dalam. Kebanyakan anak remaja dari keluarga simbiotik mengidap semacam kesulitan emosional.

Keluarga

Kebanyakan keluarga simbiotik melaksanakan secara rutin dalam kebiasaan mereka sehari-hari seperti makan, kegiatan social atau pekerjaan rumah. Rumah dan keluarga mendominasi waktu mereka, akan tetapi suasana cemas meliputi rumah tangga itu, yang berasal dari ibu bapa dan ketidak kokohan mereka.

Orang dewasa selalu berurusan dengan penyesuaian pada pekerjaan, adakah anak-anak mereka selamat atau bagaimana keluarga lain akan menganggap apa yang mereka katakana atau kerjakan. Anak-anak mendapat ibu bapa mereka dan sebaliknya mereka menjadi cemas.

Komunikasi dalam keluarga simbiotik tidak konflik. Konflik terbuka akan menghasilkan terlalu banyak kegelisahan. Jika ada konflik, itu berasal dari orang dewasa yang hiper-sentitif yang cepat menuduh atau menanyakan jika dia atau dia merasa terancam. Anggota keluarga begitu sensitive terhadap satu sama lain sehingga mereka memiliki ketakutan yang menyebabkan percakapan yang berlebihan. Mereka cenderung untuk mudah menyetujui daripada jujur.

Keluarga itu terancam oleh perbedaan. Mereka tidak senang dengan anggota keluarga yang tidak memenuhi keinginan keluarga. Maka, seorang individu tidak diizinkan menyatakan perasaannya yang sebenarnya. Sebagai contoh, ibu bertanya kepada Amy adakah dia hendak makan kek cheese. Amy berfikir bagi dirinya sendiri, “Saya sebenarnya tidak ingin makan kek cheese sebab saya masih kenyang. Tetapi ibu mungkin sakit hati kalau saya mengatakan tidak.” Jikalau dia menjawab ‘tidak’. Ibu akan berkata, “Kamu tidak suka kek cheese, Amy? Saya membuat ini untuk mu.” Amy tidak dapat menyatakan fikirannya sendiri tanpa menyakitkan hati ibunya.

Berfikir kelompok merupakan tata tertib harian dalam keluarga simbiotis. Setiap anggota yang tidak taat kepada tradisi dan keyakinan keluarga dituduh menentang keluarga. Keluarga simbiotis tidak percaya dan tidak senang kelompok atau individu yang berbeza dengan keluarga itu, dia harus setuju dengan keluarga itu.

Keluarga simbiotis terjepit dalam perhubungan dengan dunia luar. Di satu pihak mereka ingin manjadi bahagian dari suatu keadaan yang tetap. Mereka mencari kelompok yang mereka percayai dan merupakan tempat memberikan kesetiaan mereka. Di pihak lain, siapa pun yang tidak mengikuti kesetiaan keluarga simbiotis segera dicurigai.

Apa yang dianggap kejadian rutin dalam keluarga kacau menimbulkan krisis bagi keluarga simbiotis. Kepergian satu orang tua untuk beberapa hari, perselisihan keras antara ibu dengan seorang anak, luka yang diminta dijahit, semua merupakan trauma bagi keluarga simbiotis.

Pengaruh Agama dan Nilai

Jika berpartisipasi dalam kegiatan keagamaan, mereka mengerjakannya tidak dengan minat yang sebenarnya. Kadang-kadang mereka mempunyai keperluan untuk

diberitahu apa yang harus dipercaya dan bagaimana mempraktikkannya. Bimbingan ini membantu mereka mengerjakan sesuatu yang benar.

Kadang-kadang Tuhan merupakan ancaman bagi mereka. Mereka mungkin takut sekali kehilangan keselamatan, atau mungkin mereka menunjukkan kegiatan spiritual tertentu kerana mereka berfikir Tuhan tidak mahu mencintai mereka jika mereka tidak mencintai. Ironisnya, orang tua atau ibu bapa berhubung dengan Tuhan seperti anak-anak mereka berhubung dengan mereka – dengan cemas mencuba menyenangkan agar diterima.

Meninggalkan Keluarga

Anak-anak tidak benar-benar keluar dari keluarga simbiotis. Mereka berpisah secara fisik, tetapi kahwin dan mempunyai anak tidak memindahkan anak dewasa itu dari pengawasan mental orang tua simbiotis. Kerangka mental dan emosional begitu kuat sehingga anak-anak dewasa dari keluarga asal simbiotis menemui kesulitan untuk hidup bebas. Keluar dari keluarga sangat rumit kerana orang tua tetap mengembangkan lingkaran pengaruh mereka, menarik teman hidup dan anak-anak mereka. Ibu bapa anak dewasa mungkin memanipulasi kepereratan ini dengan hadiah, memperpanjang pinjaman atau meminta keputusan. Ibu bapa simbiotis sangat terganggu oleh suami /isteri anak dewasa mereka, bila suami/isteri itu mencuba mendorong anak dewasa itu lebih dekat dengan perkahwinan dan jauh dari orang tua. Kadang-kadang anak dewasa mencari seorang partner yang kuat yang membantu mereka lari dari orang tua simbiotis.

Jika terdapat seorang anak dewasa dari keluarga dewasa dari keluarga simbiotis perbuatan paling baik yang dapat dia lakukan untuk menghormati orang tua adalah berpisah dengan mereka. Mungkin ibu bapa menafsirkan kepindahan sebagai ketidaksetiaan, tetapi itu jangan menghalanginya. Sekali si anak telah mengumpulkan

fikiran-fikirannya dan memperoleh kepercayaan diri. Dia akan mampu mencintai mereka secara sah, tidak dari ketakutan tetapi dari pilihan. Jangan mencoba mengubah mereka atau membuat mereka mengerti. Tenteramkan hati mereka bahwa anak itu masih memperhatikan mereka. Meninggalkan tidak berarti memutus tali perhubungan, tetapi berarti berdiri sendiri.

Keluarga Protektif

Definisi

Berbeza dengan keluarga kuasa yang lebih berorientasi pada tugas, anggota keluarga protektif ini benar-benar menyadari perasaan satu sama lain. Ketidakcocokan dihindari kerana lebih menyukai suasana yang penuh kedamaian. Untuk menghilangkan ketegangan, anggota keluarga meninggalkan topik yang controversial dan berbica tentang yang lain. Sayangnya, mereka tidak boleh mempertahankan perasaan dan pendapatnya yang benar. Mereka membahayakan individualitas kerana mereka takut akan ketegangan atau tidak diterima. Mereka merasa tidak aman dalam keadaan tidak disetujui.



Keluarga Protektif

Keluarga protektif melakukan pekerjaan besar dalam bidang kesetiaan dan tradisi keluarga. Menitikberatkan keluarga, anak-anak dipandang sangat penting dan sering menjadi pusat perhatian, bahkan menjadi penentu utama acara keluarga.

Pemerintahan keluarga biasanya demokratik, meskipun kadang-kadang sangat dipengaruhi oleh suara anak-anak.

Perkahwinan

Perhubungan perkahwinan dalam keluarga ini pada dasarnya mantap, tanpa konflik besar. Setiap suami/isteri meminta persetujuan yang lain. Pasangan-pasangan

berusaha saling menenangkan dan mahu mengorbankan janji, fikiran dan perasaan sendiri untuk saling menyesuaikan diri. Kadang-kadang mereka mengalah satu sama lain dan kadang-kadang bebas dari kesalahan supaya dapat diterima. Mereka tidak suka menyakiti satu sama lain.

Fokus utama perkahwinan adalah anak-anak. Dengan kedatangan anak-anak, ibu beralih kepada subsistem saudara dan hidupnya menjadi terserap oleh anak-anak. Dia menyayangi mereka sebagai kesayangan, tetapi bila mereka besar, ibu bapa menjadi lebih penuh dengan stress. Anak-anak tidak responsif lagi terhadap pemeliharaannya, pemanjaannya dan cara perlindungannya. Adakalanya ia mungkin mengenangkan keadaan ketika mereka masih muda dan dapat diatur.

Gaya Ibu Bapa

Anak-anak dalam keluarga protektif ini menerima banyak sekali perhatian dan dukungan. Orang tua memberikan garis besar pedoman untuk kegiatan. Dalam hal ini mereka tidak mudah mengizinkan dalam erti membiarkan anak-anak berbuat apa saja yang mereka inginkan. Namun, ibu bapa akan mundur dari aturan jika anak terlalu banyak melawan. Anak-anak ini tidak merasa takut oleh tanggapan 'tidak' kerana mereka telah mengetahui bahawa ibu dan bapa sering mengalah. Ibu bapa begitu mementingkan perhubungan baik dengan anak-anak sehingga mereka mahu berbuat hampir apa saja untuk menjaga agar anak-anak tidak marah kepada mereka. Ini hampir seakan-akan ibu bapa memerlukan persetujuan dari anak-anak kepada ibu bapa.

Jika anak mempunyai persoalan, ibu bapa berbuat apa saja yang dapat mereka lakukan untuk mengeluarkannya dari kesukaran itu. Sayangnya, ibu bapa protektif ini sering terlalu melindungi anak-anak mereka dari akibat kesalahan atau tingkah laku yang tidak tepat. Ibu bapa menolong kerana mereka memelihara, tetapi pemeliharaan

itu kadang-kadang melampaui batas. Perbuatan ini memperkuat sifat egosentris anak dan menghalangi perkembangan watak pribadi. Dia tidak belajar bagaimana bertekun dalam situasi yang sulit.

Kadang-kadang ibu bapa protektif ini terlalu protektif. Mereka tidak mahu mengizinkan anak mengambil keputusan atau mereka melarang anak bermain olahraga kerana takut cedera. Mereka selalu membereskan pekerjaan rumahnya kerana mereka tidak ingin gurunya menganggap mereka ibu bapanya tidak baik.

Ibu bapa protektif dapat dituduh naïf terhadap anak-anak mereka. Mungkin mereka berfikir bahawa anak-anak mereka tidak pernah akan berbuat seperti yang diperbuat anak-anak lain. Anak-anak mempunyai banyak hal untuk dikatakan tentang apa yang terjadi dalam keluarga. Dalam keluarga protektif dengan satu ibu bapa, anak-anak mungkin lebih menguasai daripada orang tua.

Anak-anak

Anak-anak dari keluarga protektif biasanya terlatih baik secara social. Mereka menunjukkan hormatnya dan menyesuaikan diri dalam masyarakat dan situasi sekolah. Anakanak ini mampu dalam hal keterbukaan dan dalam perhubungan dengan orang.

Meskipun demikian, sebagai remaja belasan tahun mereka dengan mudah menjadi sasaran tekanan kawan. Ini kerana mereka selalu diterima oleh ibu bapa, mereka mungkin tidak tahu bagaimana menghadapi kurang penerimaan dalam suatu kelompok kawan. Oleh kerana itu, penerimaan kawan sangat penting. Mereka ingin dan perlu menyesuaikan diri kerana penolakan kelompok itu sungguh-sungguh fatal. Rasa harga diri mereka menyesuaikan diri kepada status kelompok. Apabila seorang belasan tahun tidak mempunyai pakaian yang 'in' atau sesuatu yang membuat berstatus, dia akan menekan ibu bapa untuk menyediakan semua itu baginya. Dia

akan bertengkar dengan ibu bapanya jika ayah dan ibunya menolak keikutsertaannya dalam kelompok kawan.

Untuk mendapatkan apa yang dikehendakinya, anak belasan tahun dari keluarga protektif akan menuduh orang tuanya tidak mempedulikan dia. Dia sering memanipulasi mereka dengan alasan-alasan untuk melakukan sesuatu yang diinginkannya. Dia berbuat untuk mereka apa yang mereka perbuat untuknya pada usia sebelumnya – menggunakan kesalahan dan kasihan diri untuk mendapatkan apa yang dikehendakinya.

Keluarga

Anggota keluarga protektif ini berkomunikasi satu sama lain dengan kepekaan dan hormat. Akan tetapi, efektivitas mereka dimungkinkan oleh kecenderungan menolak situasi yang tidak menyenangkan dan /atau menutupi keperluan mereka yang sebenarnya dengan keluhan-keluhan yang tidak sungguh-sungguh.

Dalam suatu krisis anggota keluarga ini menunjukkan perlindungan dan dukungan yang sangat besar bagi satu sama laaain. Apabila salah satu mendapat kecelakaan, yang lain merasa sedih bagi korban itu. Tetapi, meskipun mereka dinilai tinggi dalam pemeliharaan, mereka tidak dapat membuat keputusan secara efektif. Mereka banyak makan waktu untuk bertanya satu sama lain tentang perbuatan yang paling baik dilakukan. Dalam usaha membuat keputusan yang benar, penundaan sering dilakukan.

Dalam perhubungan dengan dunia luar, keluarga protektif berusaha menyesuaikan diri dengan keadaan. Ini merupakan cara mereka untuk memelihara agar tetap diterima dan aman. Pendapat orang lain dapat merupakan penyebab keamanan yang besar bagi mereka daripada pendapat sendiri. Keyakinan anggota

keluarga protektif ini tidak berkembang, mereka menjadi sasaran pertimbangan orang lain yang tanpa mereka sengaja telah mereka beri kuasa untuk menekankan nilai nilai dan rasa aman.

Pengaruh Agama dan Nilai

Keluarga protektif sangat setia kepada agama dan kepercayaan mereka. Mereka cocok sekali pada agama dan umumnya tidak mengacau, tetapi mungkin mereka cenderung kepada legalisme. Rasa tidak aman mereka barangkali menyebabkan mereka mengambil perilaku spiritual lahiriah untuk menenteramkan diri dari keyakinan batin mereka. Mereka merasa terancam oleh orang yang berbeda dalam bentuk nilainya.

Meninggalkan Keluarga


Anak-anak boleh secara fizik meninggalkan, tetapi masih boleh mengharapkan bantuan wang, nasihat atau pertolongan dari ibu dan ayah bila mereka memerlukannya. Jikalau menghadapi kesulitan, mereka menyandarkan diri pada ibu dan ayah untuk membantu mereka.

Kebanyakan abak dewasa tetap secara aktif terlibat dan setia kepada orang tua mereka. Mereka senang pulang dan merasa aman di rumah orang tua. Bila mereka berkunjung, mudahlah mereka berubah peranan menjadi anak-anak di hadapan ibu dan ayah.

Keluarga Seimbang

Definisi

Keluarga ini merupakan model keseimbangan antara individualitas dan relasi. Keluarga ini menggalak ahli-ahlinya untuk menjadi apa saja yang mungkin bagi mereka dan mereka dapat berelasi dengan orang lain. Keluarga ini memperkembangkan tingkat



Keluarga Seimbang

individualitas dan kecakapan yang tinggi dalam relasi antaraperibadian keluarga.

Gaya Ibu Bapa

Dalam keluarga seimbang, ibubapa bertanggungjawab dan dapat dipercayai. Keluarga ini menghormati hak-hak dan perasaan orang lain. Setiap individu menghormati diri sendiri sebagai manusia yang unik. Ahli keluarga sentiasa tolong-menolong di antara satu sama lain dan diberi peluang untuk menunjukkan kemampuan dan kebakatan. Iubapa pula sentiasa berkelakuan positif dan bersikap murni untuk dijadikan teladan dan model yang baik kepada anak-anak.

Perkahwinan

Relasi atau perhubungan di antara ibubapa amat erat dan mesra dengan mementingkan perkahwinan yang sejati dan ikhlas. Soal perceraian tidak timbul supaya anak-anak merasa mereka dilindungi dan disayangi. Selain daripada itu,

ibubapa sentiasa meluangkan masa yang mencukupi untuk bersama-sama dengan anak-anak mereka.

Anak-anak diasuh dengan penuh kasih sayang dan berdisiplin. Anak-anak akan diberi peluang untuk memperbaiki kelakuan atau perangai yang negatif dan membuat keputusan dengan diri sendiri dengan bantuan dan tunjuk ajar ibubapa. Ibubapa memainkan peranan yang penting dalam keluarga seimbang. Ibubapa merupakan pendengar yang baik dan sudi menerima anak-anak mereka dengan ikhlas.

Anak-anak

Perhubungan di antara mereka dengan anak-anak amat erat dan mesra kerana anak-anak merasa mereka diberi ruangan yang agak luas untuk meluangkan perasaan yang bebas dan jujur. Mereka merasa sentiasa dihormati oleh ibubapa dan dapat mengembangkan keyakinan diri untuk berinteraksi dengan orang luar pada bila-bila masa.

Keluarga

Perhubungan di antara setiap ahli keluarga seimbang adalah secara dinamis. Mereka dapat memaafkan perbuatan yang tidak sengaja dilakukan oleh ahli keluarga dengan penilaian yang manasabah dan relevan.

Pengaruh agama dan nilai murni

Keluarga seimbang membenarkan anak-anak mempersoalkan agama yang dianuti dan memahami kepercayaan kepada agama berkenaan dengan mengembangkan fikiran anak-anak untuk mencari kebenaran dan menghargai nilai murni yang berkaitan.

Meninggalkan keluarga

Anak-anak dalam keluarga seimbang adalah bersedia untuk menghadapi kehidupan dengan diri sendiri selepas mereka meninggalkan keluarga apabila dewasa.

Keluarga Kuasa

Definisi

Keluarga ini mempunyai kecenderungan untuk kasar di mana orang tua memaksakan kekuasaannya. Keadaan ini menjadikan anak-anak tidak merasa dilindungi tetapi mereka tahu benar cara menyelesaikan masalah yang dihadapinya. Keluarga Kuasa mempunyai harapan yang besar dan jelas dari anggota-anggotanya. Kecenderungan terhadap kecaman dan kegagalan yang ditemukan sering meninggalkan kemarahan individual.



Keluarga Kuasa

Perkahwinan

Keluarga Kuasa lebih menekankan kekuasaan daripada relasi atau perhubungan. Anggota-anggota dalam keluarga kuasa lebih mudah berbincara tentang tugas daripada perasaan.

Anak-anak

Anak-anak keluarga kuasa sentiasa mendapat perintah dan tidak suka menghabiskan masa dengan ibubapanya kerana mereka tidak dapat menyesuaikan diri dalam keadaan keluarga kuasa yang tertakluk dengan peraturan yang ketat. Mereka tidak suka melihat perhubungan perkahwinan ibubapa yang bersyarat dan tidak menitikberatkan cinta yang sejati dan ikhlas. Kadang-kadang keadaan ini mengakibatkan perceraian dan anak-anak pula menjadi mangsa.

Gaya Ibubapa

Ibubapa juga enggan mengerti perasaan anak-anak mereka dan tidak akan memaafkan anak-anak sekiranya mereka melakukan perbuatan yang diingini. Anak-anak yang belasan tahun sering melawan ibubapa dan akan melakukan kelakuan yang tidak murni sehingga menjadi remaja yang bermasalah. Konflik akan berlaku di antara anak-anak dengan ibubapa kerana kurang persetujuan dan kompromi. Walau bagaimanapun keluarga kuasa memberikan motivasi yang positif kepada anak-anak yang selama ini telah melahirkan keyakinan secara semula-jadi dan mereka dapat menyelesaikan masalah dengan keupayaan dan kemampuan sendiri. Mereka dapat membuat keputusan dengan diri sendiri dan dapat membuktikan kebolehan melakukan sesuatu perkara dengan baik kerana selama ini mereka tidak diberi pimpinan dan nasihat daripada ibubapa.

Pendidikan Kekeluargaan

Pendahuluan

Institusi kekeluargaan bertanggungjawab melahir, mendidik, mengasuh dan membesarkan anggota masyarakat yang kemudiannya akan menjadi warganegara yang mentadbir sesebuah negara.

Sehubungan dengan itu, keluarga adalah sekolah pertama untuk memberi didikan kepada generasi baru, ibu bapa dan ahli keluarga yang lebih tua pula berperanan dan bertanggungjawab sebagai ejen penyerap ilmu kepada setiap ahli keluarga untuk menjadi individu yang berkualiti.

Pendidikan keluarga dapat disalurkan melalui pelbagai proses seperti pengajaran, latihan, nasihat, contoh tauladan dan melalui proses indoktrinasi. Pada dasarnya pendidikan keluarga harus dibuat tanpa kekerasan. Ia perlu dibuat dengan lembut untuk memudahkan penerimaan nilai-nilai baru kepada anak-anak yang masih mentah dan untuk mencegah penyelewengan sikap.

Mengapa perlunya Pendidikan keluarga?



“Secara tidak langsung perkembangan mental anak dipengaruhi oleh perangnya. Ini berlaku melalui perubahan sikap ibu bapa terhadap mereka.”



Pendidikan keluarga harus dilakukan secara integrasi pelbagai cabang ilmu iaitu merangkumi ilmu fizikal, ilmu sains moden dan ilmu kerohanian untuk melengkapkan emosi, spiritual, mental dan akhlak anak-anak.

Mengikuti salah seorang ahli pendidikan dari Barat Mr. Sigourney berkata, “ *jika anda menginginkan anak anda untuk sesuatuberusahalah menunjukkan sesuatu itu dalam hidup anda dan dalam pembicaraan anda sendiri.....*”

Ini telah menunjukkan bahawa pendidikan keluarga memerlukan ibu bapa dan golongan yang lebih tua bertindak dengan bijak dan nilai dan ilmu tersebut kepada semua ahli keluarga. Ini penting untuk merealisasikan matlamat serta tujuan sebenar pendidikan keluarga. Pada umumnya pendidikan keluarga amat diperlukan.

Kepentingan Pendidikan Keluarga

- a. Mencorak dan membina keperibadian insan kamil yang seterusnya akan menjadi anggota masyarakat serta bangsa yang mempunyai ciri-ciri keperibadian terpuji dan dihormati.
- b. Membentuk rasa hormat di samping menanam sikap serta akhlak-akhlak mulia dan berbudi tinggi di kalangan anak-anak untuk pergaulan seharian bersama anggota keluarga dan juga di kalangan masyarakat.
- c. Membentuk masa depan yang cemerlang untuk anak-anak melalui pendidikan bersepadu yang lengkap.
- d. Melakukan proses sosialisasi kepada anak berdasarkan model dan contoh tauladan yang dapat ditiru daripada ibu bapa dan ahli keluarga yang lebih tua.
- e. Menjadi satu tapak latihan untuk pelbagai bidang sebelum anak-anak melangkah ke dalam masyarakat dan dunia yang lebih besar serta mencabar.
- f. Memastikan mobiliti sosial untuk anak-anak meningkat ke tahap menjadi individu berilmu tinggi dan berakhlak mulia untuk lebih dihormati dan disegani di kalangan masyarakat.

-
- g. Merangsang kematangan ahli keluarga supaya dapat membezakan di antara perkara-perkara yang baik dan buruk, mampu menyesuaikan diri dalam apa jua situasi, berupaya menseimbangkan dengan bijak segala keperluan duniawi dan keagamaan serta dapat menangani kehidupan yang mencabar dengan penuh kebijaksanaan.
 - h. Pendidikan keluarga yang dibuat berdasarkan rasa tanggungjawab, kemesraan dan kasih sayang akan melahirkan ahli keluarga yang berjiwa tenang, gembira dan stabil emosinya.

Pada keseluruhannya, pendidikan keluarga yang berjaya akan memberikan pencapaian terbaik kepada pembangunan peribadi anak-anak dalam bidang pelajaran, kerjaya dan memperbaiki kedudukan ekonomi dan memperbaiki kedudukan ekonomi dan status keluarga di mata masyarakat.



“Kehebatan personaliti anak mencerminkan kehebatan personaliti ibu bapa yang mendidiknya, begitu jugalah sebaliknya. Jika anak kita bermasalah, jangan sibuk mencari punca luaran kepada masalah mereka.”



LANGKAH-LANGKAH YANG DIAMBIL OLEH IBUBAPA UNTUK MEMBERI PENDIDIKAN YANG DIKEHENDAKI

1. Ibubapa harus memberi perhatian dan mendengar masalah anak dengan teliti dan penuh empati dan membantu mereka mencari punca masalah tersebut dan bersama-sama untuk menyelesaikan masalah itu.
2. Ibubapa perlu menjelaskan kepada anak-anak mengenai setiap tindakan yang dilakukan kepada anak-anak. Sebagai contoh, terangkan kenapa sesuatu hukuman harus dikenakan terhadap tindakan yang salah oleh anak-anak.
3. Ibubapa harus menerangkan perubahan-perubahan fizikal dan psikologikal yang berlaku dalam diri anak-anak di tahap awal remaja, pertengahan remaja dan akhir remaja supaya memberi keyakinan yang kukuh terhadap anak-anak untuk menghadapi tekanan yang mungkin berlaku.
4. Ibubapa perlu memberi latihan anak-anak dengan kemahiran sosial supaya dia dapat berinteraksi dengan kawan-kawan atau gurunya dengan berkesan.
5. Ibubapa harus sentiasa memberikan penerangan yang jelas mengenai sumber takut seperti perasaan takut berpisah dengan ibubapa pada bila-bila masa yang tidak dapat dielakkan supaya dapat menenteramkan jiwa mereka dengan kata-kata perangsang dan baca doa-doa tertentu supaya diberikan keyakinan dan kekuatan.
6. Untuk membolehkan anak-anak berjaya mencapai cita-cita yang diharapkan, ibubapa harus memberikan tumpuan kepada kehendak anak dan bantu anak untuk mengatasi kelemahannya. Ibubapa harus sentiasa memberikan pendedahan kepada pelbagai bidang yang mungkin diminati oleh anak-anak.
7. Untuk mengelakkan anak-anak daripada berbohong, ibubapa harus menunaikan segala janji yang telah ditetapkan.

-
8. Ibubapa harus sentiasa melakukan hal-hal yang positif yang akan dijadikan teladan kepada anak-anak.
 9. Ibubapa harus sentiasa mempamerkan kasih sayang agar anak-anak berasa selamat dan dikasihi.
 10. Ibubapa harus memupuk kasih sayang dan sikap bertolak ansur di antara anak-anak supaya mereka dapat berkongsi fikiran dan melahirkan sikap bantu-membantu di antara adik-beradik.

Penutup

Memandangkan pendidikan keluarga amat penting untuk mengawal anak-anak dalam keadaan yang sihat dalam aspek emosi, perasaan, pemikiran dan pembelajaran, maka diharapkan langkah-langkah ini dapat diambil untuk menjayakan kehidupan anak-anak dalam masa kelak.



Kesimpulan

Pendidikan yang mementingkan terkemudian tidak akan melakukan sesuatu yang akan menjejaskan identiti bangsa dan budaya. Pembentukan akhlak alam peribadi serta proses penurunan intipati warisan budaya kepada anak-anak, untuk menjamin generasi .

Proses tunjuk ajar bagi menyediakan anak-anak dengan berbagai-bagai bentuk keperluan, khususnya dalam bidang ekonomi dan pekerjaan kerana anak-anak tersebut tidak akan mewarisi pekerjaan ibu bapa atau jarang terlibat dalam pekerjaan yang sama dengan pekerjaan yang dilakukan oleh ibu bapa.

Keluarga bertindak sebagai pendorong dan pembantu kepada anak-anak dalam proses pencapaian pengetahuan atau kemahiran yang dimaksudkan. Keluarga tetap memberi tunjuk ajar kepada anak-anak dalam perkara yang berkaitan dengan urusan rumah tangga, misalnya, para ibu tetap melatih anak-anak perempuan dalam kerja masak-memasak, jahit-menjahit, mengemas rumah dan sebagainya.

Dari segi ini, didapati fungsi pendidikan dan sosialisasi keluarga sebahagiannya masih dapat dipertahankan untuk menyediakan anak-anak untuk berkomunikasi dengan orang lain dengan baik. Pendidikan dari segi sosialisasi diambil berat terutamanya melengkapkan anak-anak dengan berbagai-bagai pengalaman, pengetahuan dan kemahiran bagi membolehkan mereka merancang atau menghadapi masa depan dengan yakin. Keluarga tidak berkebolehan menjalankan fungsi ini. Ianya adalah bergantung kepada agensi seperti tadika, sekolah, maktab dan institusi pendidikan formal yang lain perlu.

Ibu bapa lebih gigih untuk melengkapkan anak-anak dengan pengetahuan dan ilmu secukupnya agar anak-anak tersebut dapat merancang masa depan mereka dengan lebih yakin.

Bagi keluarga yang mempunyai anak-anak dewasa yang telah pun bekerja sama ada tinggal bersama ibu bapa atau tidak segera tindakan dan perbuatan anak-anak masih dikawal oleh ibu bapa di mana anak-anak diberi nsihat dan teguran untuk membetulkan kesilapan anak-anak itu walaupun kawalan sosial tidak begitu ketat berbincang dengan negara Barat.

Bibliografi

Abdul Halim Othman 1993. Psikologi Melayu. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Dra Ny. Y. Singgih D. Gunarsa 1982. Psikologi untuk keluarga. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Masao'od Abd. Rashid 1988. Keluarga. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mohd. Fadzilah Kamsah 1999. Kecemerlangan Mendidik Anak. Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn. Bhd.

Mohd. Fadzilah Kamsah 2000. Kemahiran Kekeluargaan menjadi ibu bapa cemerlang. Kuala Lumpur: Utusan Publications dan Distributors Sdn. Bhd.

Noraini Ahmad 2000. Kaunseling remaja. Kuala Lumpur: Utusan Publications dan Distributors Sdn. Bhd.

Yaacob Harun 1992. Kelurga Melayu Bandar: Satu Analisis Perubahan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.